

# Laluan Felda Tersang-Raub dinaiki air

RAUB - Hujan lebat berterusan selama hampir dua jam bermula jam 10 pagi semalam menyebabkan laluan Felda Tersang-Raub berhampiran Kampung Batu Malim, di sini dinaiki air setinggi kira-kira 0.5 meter.

Limpahan air di permukaan jalan tersebut menyebabkan kenderaan yang melaluinya, terkandas lebih sejam.

Bagaimanapun air kembali surut dan laluan tersebut boleh dilalui semua kenderaan pada jam 1 tengah hari.

Rumah penduduk tidak terjejas dan tiada mangsa dipindahkan memandangkan banjir cepat surut.

Pengguna jalan raya, Mohd Hairi Zulkpli, 34, berkata, kejadian banjir kilat itu bukan kali pertama malah kerap terjadi sekiranya hujan berterusan selama beberapa jam.

Menurutnya, tidak dinafikan hujan lebat menyebabkan banjir kilat namun kejadian itu dapat dielakkan sekiranya sistem perparitan di kawasan terbabit diselenggara dengan baik.

"Saya sering ulang alik ke tempat ker-

ja melalui jalan ini dan pernah beberapa kali berdepan kejadian banjir kilat.

"Justeru, kita berharap pihak bertanggungjawab tampil dan segera memeriksa perparitan bagi mengelak kejadian sama berulang," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Siti Fatimah Ahmad, 30, berkata, pihak berkaitan disarankan supaya memperbesarkan parit dan longkang di kawasan itu bagi memudahkan ia menampung jumlah hujan.

Katanya, tindakan segera perlu dilakukan bagi mengelakkan kejadian sama berulang atau insiden lebih buruk.

"Banjir kilat sering melanda laluan ini disebabkan sistem perparitan yang sempurna. Parit dibina terlalu kecil dan cetek serta sering tersumbat.

"Apabila hujan lebat, parit tersebut tidak dapat menampung jumlah air yang banyak, maka ia melimpah keluar dari parit, menyebabkan banjir kilat," katanya.



Laluan Felda Tersang-Raub berhampiran Kampung Batu Malim dinaiki air, semalam.

## Gangguan bekalan air dua hari sekitar daerah Kuantan

KUANTAN- Beberapa kawasan sekitar daerah Kuantan akan mengalami gangguan bekalan air bermula jam 10 pagi, 29 Mac hingga jam 12 tengah hari, 30 Mac ini.

Gangguan disebabkan kerja-kerja selenggaraan panel SSU di Pam Air Mentah Kobat dijalankan TNB.

Antara kawasan terlibat ialah Indera Mahkota 1 hingga 16, Paya 3, Jalan Sungai

Lembing, Kolej Profesional Mara, Kampung Padang, Taman Impian, Tanjung Pasi, RTP Bukit Goh, Bukit Kuantan, Sungai Riau, Bukit Kuin, Cenderawasih, Bukit Serongkol, Bukit Byroute, Taman Fairmount, Jalan Darat Makbar, Jalan Wong Ah Jang, Sri Teruntum, Jalan Mat Kilau, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Jalan Penjara, RRM Kemunting, Jalan Tekukur

dan Pasar Borong.

Turut terjejas, Jalan Tun Ismail, Megamall, Jalan Gambut, Pejabat Kerajaan Wisma Persekutuan dan negeri, Jalan Lim Hoe Lek, Jalan Mahkota, Kompleks Teruntum, Pusat beli belah ECM, Hotel Zenith, seluruh kawasan Sekilau, Jalan Haji Ahmad, Air Putih, Stali, Polis, PSDC, Kawasan Industri Semambu, Semambu, Jalan

Tengku Muhammad, Alor Akar, Tok Sira, Sri Kuantan dan Kubang Buaya.

Taman Selamat, Teluk Chempedak, Taman Gelora, Tanjung Api, Padang Lalang, seluruh kawasan Pelindung, Beserah, Batu Hitam, Taman Satelit, Alor Ladang, Kampung Gelugor, Sungai Karang, Taman Datuk Rashid, Damansara dan Taman PSJ, antara turut terlibat.